

TUANKU MUHAMMAD IBNI TUANKU AN-TAH (1865–1933), Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Baginda adalah putera sulung Yamtuan Antah dan



Tuanku Muhammad ibni Tuanku Antah

diputerakan pada 25 April 1865. Baginda mendapat pendidikan di High School, Melaka mulai tahun 1886.

Tuanku Muhammad diberi gelar Tengku Putera pada tahun 1870 dan 12 tahun kemudian bergelar Tengku Besar. Pada tahun 1888, baginda diangkat menjadi Yang Dipertuan Seri Menanti yang ketujuh. Tuanku Muhammad dipilih menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 29 April 1898, menggantikan ayahandanya Tuanku Antah. Baginda memakai gelaran Tuanku Muhammad Yang DiPertuan Seri Menanti ibni Almarhum Yang Dipertuan Besar Tuanku Antah.

Sebelum pelantikan baginda terdapat sedikit pergolakan, apabila Tengku Muda Chik ibni Almarhum Yamtuan Radin (adik kepada Yamtuan Antah) ingin menaiki takhta. Martin Lister (Superintenden British di Negeri Sembilan) bersetuju, memandangkan umur Tengku Besar Muhammad baru 21 tahun. Namun perkara ini dibantah oleh Dato' Siamang Gagap memandangkan Tengku Muda Chik telah diwariskan jawatan Yamtuan Muda Jelebu oleh ayahandanya. Cita-cita Tengku Muda Chik telah digagalkan.

Setelah 10 tahun menaiki takhta kerajaan Seri Menanti, satu perjanjian dibuat antara Undang Yang Empat (terdiri daripada Yamtuan Seri Menanti serta Undang Luak Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tunku Besar Tampin) dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat (Sir Cecil Clementy Smith) pada 18 Mac 1889 bagi mengiktiraf Tuanku Muhammad sebagai Yamtuan Negeri Sembilan. Baginda menerima seorang penasihat British. Yamtuan Antah telah mewakili Negeri Sembilan menandatangani perjanjian bersekutu antara empat buah negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan pada 12 Jun 1895.

Semasa menganggotai Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, baginda selalu menyuarakan supaya anak-anak Melayu diberi peluang memajukan diri mereka. Pada tahun 1914, baginda mencadangkan agar pasukan askar Melayu ditubuhkan untuk menjaga keselamatan negeri. Cadangan baginda disokong oleh Sultan Alang Iskandar (Perak), Dato' Undang Rembau, Abdullah bin Dahan dan Raja Dihilir Perak, Raja Chulan. Pada 1 Mac 1933, lahirlah Askar Melayu dengan 25 orang sebagai anggota percubaan.

Tuanku Muhammad dikurniai bintang C.M.G. pada tahun 1894 dan bintang K.C.M.G. pada tahun 1916. Pada bulan Julai 1925, baginda dianugerahi bintang K.C.V.O. dan pada bulan Januari 1931, baginda dianugerahi bintang G.C.M.G.

Tuanku Muhammad mangkat pada 1 Ogos 1933, dan dimakamkan di Seri Menanti, Negeri Sembilan.